

Headline	JMB rayu TNB tangguh potong bekalan elektrik		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	14 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Nasional	Page No	20
ArticleSize	425 cm ²	Journalist	Nor Azizah Mokhtar
PR Value	RM 42,219		



Tunggakan bil RM2.02 juta

JMB rayu TNB tangguh potong bekalan elektrik

Pemotongan di 5 blok Pangsapuri Kos Rendah Bandar Tasik Selatan 1 dijadualkan 17 Januari

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Badan Pengurusan Bersama (JMB) Pangsapuri Kos Rendah Bandar Tasik Selatan 1 akan mengadakan rundingan lanjut dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhubung notis pemotongan bekalan elektrik yang kini merunsingkan penduduk.

Wakil JMB yang ditemui BH, semalam, memaklumkan akan mengemukakan rayuan kepada TNB dalam masa terdekat agar pemotongan bekalan elektrik yang bakal menjelaskan bekalan air, fungsi lif dan lampu koridor dijadualkan pada 17 Januari ini, dapat ditangguhkan.

Katanya, tunggakan bil elektrik membabitkan lima blok di pangsapuri terbabit kini mencecah RM2.02 juta sejak 2023 menyebabkan TNB mengekalkan tuntutan kepada syarikat pemaju, baru-baru ini, untuk menyelesaikan tunggakan itu.

“Dalam rundingan bersama TNB dan pemaju sebelum notis pemotongan dikeluarkan, TNB menuntut syarikat pemaju menyelesaikan sekurang-kurangnya 10 peratus (RM200,000) daripada jumlah keseluruhan tunggakan, namun pihak JMB tidak mempunyai wang sebanyak itu.

“Kini, TNB mengeluarkan notis pemotongan bekalan elektrik kerana kita tidak mampu buat pembayaran dan itu ini berlaku kerana kutipan yuran penyelenggaran tidak mencukupi untuk menampung jumlah diminta,” katanya.



Tunggakan bil elektrik Blok A Pangsapuri Kos Rendah Bandar Tasik Selatan 1 mencecah RM494,576.

(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

Beliau menjelaskan yuran penyelenggaran ditetapkan RM50 untuk setiap unit kediaman membabitkan 1,440 unit kediaman di lima blok di sini dan sekiranya semua unit tidak culas membayar yuran berkenaan, ia hanya mampu mengumpul RM72,000. “Kebiasaannya, kita tidak dapat mengumpul RM72,000 kerana ada yang culas membayar dan dengan duit yang ada kita perlu tampaung pelbagai kos termasuk penyelenggaran, bil air, insurans dan kerosakan kemudahan.

“Kita perlu sekurang-kurangnya RM120,000 sebulan termasuk gaji staf pengurusan, pekerja penyelenggaran dan pembersihan. Perbelanjaan sudah melebihi pendapatan sehingga kita tidak mampu membalki kerosakan lif yang kini berlaku,” katanya.

Hanya satu lif berfungsi
 Jelas beliau, keseluruhan terdapat 10 lif, iaitu dua lif untuk setiap blok dan kini hanya satu lif berfungsi di setiap blok dengan ada di antara lif rosak sejak lima tahun lalu.

Katanya, kos untuk membalki kerosakan lif akibat berlaku vandalisme, kerosakan peralatan serta kecurian alat ganti dengan kos pembalaan mencecah puluhan ribu dan syarikat penyelenggaran tidak mengeluarkan hebatan menuntut penduduk buat bayaran, notis amaran, memotong bekalan air, namun perkara itu terus berulang,” katanya.

minta pendahuluan sebelum melakukan pembelian.

“Perkara ini menyebabkan JMB terpaksa meminta bantuan daripada pelbagai pihak termasuk Ahli Parlimen Bandar Tun Razak dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), namun sehingga kini tiada jawapan,” katanya.

Mengenai tuduhan ada pihak dalam pengurusan JMB menyelengangkan wang JMB, beliau berkata tuduhan itu amat berat, sehubungan itu pihaknya membuat satu laporan polis di Balai Polis Sungai Besi, di sini, kelmarin.

“Ketika pengurusan baharu JMB mengambil alih tugas daripada JMB terdahulu pada 2018, sudah terdapat tunggakan pelbagai bil berjumlah lebih RM300,000 dan kita cuba jelaaskan tunggakan sedikit demi sedikit, namun tunggakan meningkat semasa kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana wabak COVID-19. Ramai terkesan.

“Ada pihak yang menuduh JMB tidak mengambil tindakan sewajarnya terhadap penduduk yang culas membuat bayaran, itu tidak benar. Kita guna beberapa pendekatan termasuk mengeluarkan hebahan menuntut penduduk buat bayaran, notis amaran, memotong bekalan air, namun perkara itu terus berulang,” katanya.